

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KM. 26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH MELAKA**

ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)

-SCREEN EMPLOYMENT-

DISEDIAKAN UNTUK :

CIK HAZAMI KAMARUDIN

PENSYARAH ETR 300

DISEDIAKAN OLEH :

MARLINA MURIS 93858298

NOOR HISHAM PAIMIN 93801069

NURUL WAHILAH ABD LATIFF 93803478

SITI HAJAR SHEH MOHD HASAN 93809349

DIPLOMA PENGAJIAN BANK KUMPULAN 5 C

Tarikh : 12 APRIL 1996



INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
25hb. MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

Surat Tuan: **100-CM(AKA 30/7B)**

Surat Kami:

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma In Banking Studies. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai salah satu syarat bagi memenuhi keperluan matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Marlina Muris	93858298
2.	Noor Hisham Paimin	93801069
3.	Nurul Wahilah Abd Latiff	93803278
4.	Siti Hajar Sheh Mohd Hasan	93809349

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

ASMAH HJ. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Pengetua

SALAM UKHWAH

Screen Employment
Diploma Pengurusan Bank Semestar 05
Institut Teknologi Mara Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

12 April 1996

Cik Hazami Binti Kamarudin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi Mara Melaka
Km 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Assalamualaikum wbt.

Cik

RANCANGAN PERNIAGAAN SCREEN EMPLOYMENT

Merujuk kepada perkara diatas, kami dengan sukacitanya mengemukakan Rancangan Perniagaan yang bertajuk "SCREEN EMPLOYMENT" yang telah disediakan mengikut tatacara dan prosedur yang ditetapkan.

Rancangan Perniagaan ini bertujuan untuk membolehkan para pelajar ITM mengetahui cara-cara dan teknik-teknik untuk memulakan dan menjalankan sesuatu perniagaan dengan lebih sistematik seterusnya menjadi seorang usahawan yang berjaya, Insyaallah. Rancangan Perniagaan ini membincangkan pelbagai aspek perniagaan secara komprehensif termasuklah objektif, latar belakang perniagaan, rakan kongsi serta pengurusan, pemasaran, operasi dan kewangan yang terlibat.

Kami telah berusaha keras membuat penyelidikan bagi meyediakan Rancangan Perniagaan ini dan banyak ilmu pengetahuan serta pengalaman yang kami perolehi bagi menyiapkan diri untuk memulakan sesuatu perniagaan.

Kami berharap semoga Rancangan Perniagaan ini dapat mencapai matlamat dan objektif perniagaan yang kami pilih.

Yang benar,


.....
SITI HAJAR HJ SHEH MOHD HASAN
Ketua Projek Screen Employment

SCREEN EMPLOYMENT
No. 33, Tingkat 3,
Plaza Hang Tuah,
Jalan Tun Mamat,
75300 Melaka Bandaraya Bersejarah
Tel: 06-2884673
Fax: 06-2884333

1.0 PENGENALAN

Keusahawanan begitu asing kepada kita sehingga selepas merdeka. Bermula pada pertengahan tahun 1970an menyedari kepincangan orang Melayu yang masih mundur dalam bidang ekonomi khususnya perniagaan dan perdagangan, dibandingkan dengan orang Cina, maka melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan telah menyedarkan kembali di kalangan orang-orang Melayu tentang betapa pentingnya bidang keusahawanan ini. Titik tolak perniagaan di kalangan orang-orang Melayu di paksikan oleh kedatangan orang-orang Arab yang beragama Islam ke negeri Melaka pada abad 1500 Hijrah.

Sesungguhnya menjalankan aktiviti keusahawanan adalah fardhu kifayah iaitu jika tiada umat Islam yang terlibat dalam bidang ini maka seluruh umat Islam akan berdosa. Sektor perkhidmatan merupakan satu bidang perniagaan yang kurang di ceburi dengan sepenuhnya oleh kaum bumiputera. Masih ramai yang tidak mengetahui prospek perniagaan ini secara mendalam. Menyedari hakikat ini, maka timbulah idea dan terdetik di fikiran kami untuk terjun dalam sektor perkhidmatan ini.

Justeru itu, selaras dengan seruan kerajaan dalam menjayakan wawasan 2020 dan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), kami mengambil inisiatif untuk menceburi sektor perkhidmatan yang mencabar ini dan menikmati pulangan yang lumayan. Kami memilih agensi pekerjaan sebagai bentuk perniagaan kami memandangkan prospek perniagaan ini begitu meluas dewasa ini.

SCREEN EMPLOYMENT merupakan sebuah agensi pekerjaan yang menjanjikan pekerjaan yang sesuai, memberikan kepuasan yang maksimum serta menepati kelayakan seseorang individu. Penuhan agensi ini dapat mencapai objektif kerajaan dan sekaligus mengurangkan lagi kadar pengangguran ke tahap yang paling minimum.

Kami yakin agensi pekerjaan ini dapat mencapai matlamat yang dirancangkan memandangkan potensi untuk berjaya dalam perniagaan ini amatlah cerah. Galakan dari kerajaan menambahkan lagi keyakinan dan kesungguhan kami untuk maju dalam bidang ini dan di tambahkan lagi dengan lokasi perniagaan yang amat strategik. Kami yakin perniagaan ini mempunyai potensi yang cerah untuk berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju, Insyaallah.